



"PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَيَقَوْمِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru muslimin sekalian agar bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa memperoleh taufik serta hidayah dalam segala urusan.</p>	7
<p>Mimbar hari ini ingin membicarakan khutbah bertajuk "PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI".</p>	8
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Sebagai mengenang jasa-jasa pahlawan terdahulu, marilah kita mengambil iktibar di sebalik hari bersejarah ini. Semangat para pejuang terdahulu yang berjuang hingga titisan darah terakhir harus kita jadikan pengajaran bersama. Tanpa semangat perjuangan golongan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi keselamatan yang lain, tidak mungkin kesejahteraan rakyat serta negara dapat kita nikmati seperti hari ini.</p>	9
<p>Di kesempatan ini, mimbar ingin mengajak para hadirin sekalian agar bersama-sama berfikir sejenak bahawa keamanan dan keharmonian negara ini bukanlah digapai dengan sekelip mata sahaja. Ia merupakan hasil titik peluh para pejuang masa silam yang akhirnya membentuk sebuah negara Malaysia yang kita sayangi. Lantaran itu, adalah amat wajar untuk kita mengambil iktibar serta teladan atas segala pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu. Semangat yang mereka tonjolkan itu telah menjadi batu asas</p>	10

¹ Hud : 52

<p>kepada kemajuan negara dalam pelbagai aspek amnya. Sesungguhnya, kesedaran dan kewajipan setiap individu itu amat penting demi mempertahankan bangsa, agama dan tanah air daripada anasir-anasir penjajahan yang membahayakan ummah.</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Kita harus sentiasa menghargai segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu. Mereka sanggup meninggalkan harta benda dan keluarga tercinta semata-mata untuk keluar berjuang mempertahankan keamanan negara. Oleh kerana itu, sebagai generasi pewaris negara masa kini, maka tidak perlu mengulang kembali cerita sejarah lama tanpa sebarang tindakan susulan.</p>	11
<p>Pepatah Arab ada menyebut:</p> <p style="text-align: center;"> إِنَّ الْفَتَىٰ مَنْ يَقُولُ هَا أَنَا ذَا لَيْسَ الْفَتَىٰ مَنْ يَقُولُ كَانَ أَبِي </p>	12
<p><i>“Sesungguhnya pemuda yang sebenar ialah orang yang sanggup berkata inilah saya. Tetapi bukanlah pemuda yang sebenar mereka yang berkata dengan kehebatan bapanya”.</i></p>	13
<p>Apa yang harus kita lakukan ialah bersatu padu mempertahankan negara daripada sebarang ancaman dan anasir yang merosakkan dan menghancurkannya.</p>	14
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Islam sering mendorong kita agar sentiasa mempersiapkan diri sepanjang masa memandangkan kehadiran musuh amat sukar diramal serta dijangka. Persediaan ini termasuklah dari segi melestarikan industri dan ekonomi negara, menambah baik tahap pendidikan</p>	15
<p>negara, menjunjung tinggi nilai-nilai keagamaan, memperkasakan keselamatan negara dan meletakkan nilai sosial serta ketamadunan negara bangsa di tempat sewajarnya.</p>	16
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60:</p> <p style="text-align: center;"> وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ ... </p>	17
<p><i>“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu...”.</i></p>	18
<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Rakyat Malaysia yang benar-benar ikhlas cintakan negara hendaklah sentiasa menjunjung tinggi keamanan yang telah kita nikmati ini. Sesungguhnya, kita hendaklah sentiasa berusaha memastikan agar generasi hari ini mampu dan berupaya</p>	19

<p>mewarisi keamanan negara. Disebabkan itu, janganlah kita merasakan bahawa kita akan terus berada dalam zon selamat sepanjang masa. Sebaliknya, rakyat mesti bersedia dan bersatu padu seperti kata pepatah bagai aur dengan tebing dalam menyusun atur gerak langkah perpaduan bangsa yang konkrit disamping bersama-sama membangunkan kecemerlangan negara bangsa kita. Tidak cukup dengan itu, rakyat juga hendaklah berkorban masa, jiwa, tenaga demi agama, bangsa dan negara.</p>	
<p>Hadis daripada Said Bin Zaid R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"> مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ، أَوْ دُونَ دَمِهِ، أَوْ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ </p>	20
<p><i>“Sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya maka dia syahid, sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan keluarganya, atau kerana mempertahankan nyawanya, atau kerana mempertahankan agamanya maka dia syahid”.</i> <i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	21
<p>Hal ini penting agar kita berupaya melahirkan sebuah negara yang terus kekal berdaulat, aman damai bahkan mendapat keredhaan dan keampunan daripada Allah SWT.</p>	22
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Keamanan negara adalah merupakan nikmat yang besar dikurniakan Illahi. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang bergolak, kita wajib bersyukur kerana dilahirkan dan dibesarkan di bumi bertuah ini. Buktinya, kita mampu melaksanakan ibadah dengan sempurna, mampu keluar mencari rezeki dengan selamat, bersuka ria bersama-sama keluarga tercinta, menuntut ilmu dengan selesa tanpa sebarang kekangan dan sebagainya. Namun, bagi mereka yang berada dalam situasi negara yang porak peranda, ada sesetengahnya terpaksa menahan kelaparan, berteduh di tepi jalan, mempertaruhkan nyawa dan harta demi mempertahankan negara mereka.</p>	23
<p>Sesungguhnya Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun adalah antara lainnya memberi pengiktirafan kepada barisan pahlawan negara. Kesanggupan mereka mempertahankan negara dianggap satu ibadah fardu kifayah yang dituntut dalam Islam.</p>	24
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 23:</p> <p style="text-align: center;"> مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا </p>	25

<p><i>"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid),...</i></p>	26
<p><i>...dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (Apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun".</i></p>	27
<p>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak hadirin sekalian supaya menghayati dan meneliti perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam wajib mempertahankan kedaulatan negara kerana termasuk dalam salah satu daripada maqasid syariah. 2. Umat Islam wajib menolak semua perkara dan anasir yang boleh merosakkan keamanan, perpaduan dan menggugat kedaulatan agama. 3. Umat Islam hendaklah menghargai jasa dan pengorbanan generasi terdahulu yang telah berjuang mempertahankan agama dan negara. 	28
<p style="text-align: center;"> أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾ </p>	29
<p><i>"Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzab, berkatalah mereka: "Inilah yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kami dan benarlah (Apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya"....</i></p>	30
<p><i>dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Ahzab : 22).</i></p>	31
<p style="text-align: center;"> بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلِكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. </p>	32
<p style="text-align: center;"> أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ </p>	33

KHUTBAH KEDUA.34

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	35
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	36
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p>	37
<p>Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>	37
<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>	38
<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>	39
<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	40
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقُرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	41
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	42
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالْكَفْرَ وَالْكَافِرِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالْيَهُودَ فِي فَلَسْطِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي بОРМА، وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي سُورِيَا وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.</p>	43
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	44

<p>سُلْطَانُ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِالسُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	<p>45</p>
<p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَتَكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ اَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	<p>46</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	<p>47</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan...</p>	<p>48</p>
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	<p>49</p>
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	<p>50</p>
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	<p>51</p>
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	<p>52</p>
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	<p>53</p>
<p>... mewakaf dan menginfaqqan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	<p>54</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ اِمَامًا. رَبَّنَا اِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللهِ،</p>	<p>55</p>
<p>اِنَّ اِلَهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٦﴾</p>	<p>56</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>57</p>